TETUAN KUMAR JASPAL QUAH & AISHAH

lwn.

FAR LEGION SDN BHD & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ZULKEFLI AHMAD MAKINUDIN H
[GUAMAN NO: D3-22-1028-2001]
14 MAC 2003

PROFESION UNDANG-UNDANG: *Amalan guaman - Amalan dan kesopanan - Sama ada keputusan kes semasa mempunyai kesan terhadap kes melibatkan pihak firma guaman - Sama ada firma guaman mempunyai kepentingan kewangan dalam kes semasa - Sama ada terdapat pelanggaran amalan dan kesopanan - Kaedah-kaedah Profesion Undang-undang (Amalan dan Kesopanan) 1978, k. 27*

Plaintif telah membuat permohonan ke mahkamah ini untuk menghalang T/n Chellam Wong daripada mewakili pihak defendan atas alasan firma guaman tersebut telah melanggari k. 27 Kaedah-kaedah Profesion Undang-undang (Amalan dan Kesopanan) 1978. Hujah plaintif, firma tersebut telah memberikan satu akujanji untuk menyempurnakan yuran guaman pihak defendan tetapi gagal untuk membuat apa-apa pembayaran. Pihak plaintif telahpun memulakan tindakan guaman terhadap firma tersebut di Mahkamah Tinggi Dagang 4 melalui Kes No. D4-22-937-02. Maka, adalah pendapat plaintif bahawa firma tersebut patut dihalang daripada mewakili pihak defendan dalam kes semasa kerana keputusan kes ini mempunyai kesan kewangan terhadap firma tersebut.

Diputuskan:

[1] Jika dilihat kepada tindakan guaman dalam kes semasa, T/n Chellam Wong bukanlah pihak kepada tindakan ini. Kes semasa melibatkan rayuan oleh pihak defendan terhadap perintah penolong kanan pendaftar yang telah membenarkan penghakiman terus dimasukkan terhadap mereka. Manakala kes di Mahkamah Tinggi Dagang 4 (iaitu No. D4-22-937-02) melibatkan tuntutan atas isu akujanji yang, menurut dakwaan plaintif, diberi oleh T/n Chellam Wong untuk menyelesaikan yuran guaman yang terhutang kepada pihak plaintif. (ms 199 a-b)

[2] Plaintif sepatutnya mengutarakan isu pemberian akujanji T/n Chellam Wong semasa pendengaran permohonan untuk penghakiman terus atas pihak defendan dan bukannya semasa permohonan semasa dibicarakan. (ms 199 c)

[3] Sekiranya permohonan plaintif dibenarkan di peringkat semasa, pihak defendan tidak akan dapat melantik peguam pilihan mereka untuk membela tindakan mereka. (ms 199 d)

[4] Tidak terdapat apa-apa bukti yang menunjukkan bahawa kehadiran T/n Chellam Wong dalam bertindak sebagai peguam pihak defendan boleh memberi kesan kepada keputusan rayuan defendan. (ms 199 e)

[5] Dalam kes semasa, sebenarnya rakan-rakan kongsi plaintif dan/atau peguamnnya sepatutnya tidak harus dibenarkan daripada terus mewakili plaintif di sini kerana mereka sendiri mempunyai kepentingan 'pecuniary' secara terus dalam tindakan ini memandangkan mereka menuntut yuran guaman mereka daripada pihak defendan dan peguamnya dalam kes yang berkenaan dan ini bertentangan dengan k. 27 Kaedah-kaedah Profesion Undang-undang (Amalan dan Kesopanan) 1978 itu sendiri. (ms 200 c)

[Permohonan plaintif ditolak dengan kos.]

Kes-kes yang dirujuk:

Vijayalakshmi Devi Nadchatiram v. Saraswathy Devi Nadchatiram [2000] 4 CLJ 870 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Legal Profession Act 1976, s. 77

Legal Profession (Practice and Etiquette) Rules 1978, r. 27

Bagi pihak plaintiff - En Kumar; T/n Kumar Jaspal Quah & Aishah
Bagi pihak defendan - En Ramesh (Zachary Scully); T/n Chellam Wong

Dilaporkan oleh M Maheswaran

PENGHAKIMAN

Zulkefli Ahmad Makinudin H:

Ini adalah suatu permohonan oleh plaintif supaya firma guaman Tetuan Chellam Wong dihalang dari mewakili defendan 1 dan 2 kerana melanggari k. 27 Legal Profession (Practice and Etiquette) Rules 1978. Berikut adalah di antara fakta-fakta dan alasan-alasan yang dikemukakan oleh plaintif untuk menyokong permohonan:

(1) Plaintif sebagai suatu firma guaman pernah bertindak untuk defendan-defendan di dalam Guaman No. D5-22-395-96 ("guaman tersebut") terhadap DB Trustee (M) Bhd dan Mercury Industries Bhd.

(2) Plaintif telah mengeluarkan bil untuk perkhidmatan yang diberi kepada anak guamnya iaitu defendan-defendan pada 4 April 1997.

(3) Melalui surat-surat bertarikh 1 November 2000, 23 November 2000 dan 21 Disember 2001 dan melalui tingkah laku Tetuan Chellam Wong, firma tersebut telah mengambil alih tindakan Guaman No. D5-22-395-96 bagi menggantikan plaintif.

(4) Tetuan Chellam Wong akujanji untuk membayar apa-apa yuran guaman yang terhutang kepada plaintif oleh defendan-defendan.

(5) Walaupun plaintif tidak berpuashati dengan akujanji itu tapi plaintif atas representasi Ramesh Kanapathy iaitu salah seorang rakan kongsi Tetuan Chellam Wong membenarkan Tetuan Chellam Wong bertindak dalam guaman itu.

(6) Defendan-defendan gagal untuk menyelesaikan yuran guaman yang tertunggak maka plaintif memulakan tindakan guaman ini untuk menuntut bil bertarikh 4 April 1997 dari defendan-defendan.

(7) Pada 20 Ogos 2001 penghakiman untuk sejumlah RM320,868.60 telah diberikan kepada plaintif terhadap defendan 2.

(8) Pada 17 Januari 2002 penghakiman terus untuk jumlah RM320,868.60 dimasukkan terhadap defendan 1.

(9) Melalui surat bertarikh 31 Januari 2002, plaintif menuntut dari Tetuan Chellam Wong untuk menunaikan akujanji mereka untuk membayar yuran guaman itu kerana penghakiman telah dimasukkan.

(10) Walau bagaimanapun mereka enggan berbuat demikian.

(11) Oleh itu plaintif telah memulakan tindakan guaman terhadap Tetuan Chellam Wong di Mahkamah Tinggi Dagang 4 Guaman No. D4-22-937-02 untuk kemungkiran mereka untuk meneruskan akujanji itu. (Rujuk Lampiran 76 eks. SQ1).

(12) Perbicaraan tindakan di Dagang 4 itu ditetapkan pada 17 Februari 2003.

(13) Tetuan Chellam Wong mempunyai kepentingan 'pecuniary' dalam keputusan tindakan ini kerana ia secara terus mempengaruhi liabiliti mereka dalam Guaman di D4-22-937-2002.

Pihak Tetuan Chellam Wong dalam menentang permohonan plaintif telah menyatakan antara lain fakta-fakta seperti berikut:

(1) Tetuan Chellam Wong telah mengambil alih pengendalian guaman tersebut daripada plaintif setelah mereka memberi akujanji untuk membayar bil plaintif yang dicukai untuk perkhidmatan yang telah diberikan oleh plaintif kepada defendan-defendan.

(2) Walau bagaimanapun, plaintif telah menolak akujanji yang diberikan oleh Tetuan Chellam Wong dan enggan bertanggungjawab untuk guaman tersebut. (Sila rujuk eks. TLL1 dalam afidavit Teh Li Li di Lampiran 52).

(3) Plaintif telah mengeluarkan bil bertarikh 4 April 1997 untuk sejumlah RM320,868.60 tersebut dan seterusnya plaintif telah membawa tindakan ini terhadap defendan-defendan dalam kes guaman sekarang ini untuk yuran guaman mereka berasaskan bil bertarikh 4 April 1997.

(4) Pada 20 Ogos 2001 plaintif telah mendapat penghakiman terhadap defendan kedua dan pada 17 Januari 2002 plaintif telah mendapat penghakiman terhadap defendan pertama. Selepas mendapat penghakiman ini plaintif telah menuntut terhadap Tetuan Chellam Wong jumlah tersebut berdasarkan akujanji yang diberikan oleh Tetuan Chellam Wong tersebut.

(5) Tetuan Chellam Wong tidak membayar tuntutan plaintif tersebut disebabkan akujanji tersebut telah ditolak oleh plaintif sendiri dan lagipun ianya tidak menepati terma akujanji yang diberikan oleh mereka.

(6) Plaintif seterusnya telah memulakan satu tindakan guaman terhadap kesemua rakan kongsi Tetuan Chellam Wong iaitu dalam Guaman No. D4-22-937-2002 ('tindakan tersebut') atas alegasi bahawa mereka telah memungkiri akujanji tersebut.

Keputusan

Setelah mengkaji afidavit-afidavit yang difailkan oleh pihak plaintif dan pihak defendan dan setelah mengkaji hujah-hujah peguam plaintif dan peguam defendan, saya menolak dengan kos permohonan plaintif. Berikut adalah di antara alasan-alasan saya menolak permohonan plaintif:

(1) Jika dilihat kepada tindakan guaman dalam kes sekarang ini iaitu D3-22-1028-2001 Tetuan Chellam Wong bukanlah pihak kepada tindakan ini. Kes di mahkamah ini di peringkat ini melibatkan rayuan oleh defendan-defendan terhadap perintah Penolong kanan pendaftar yang membenarkan penghakiman terus dimasukkan ke atas defendan-defendan. Manakala kes di Mahkamah Tinggi Dagang 4 dalam D4-22-937-02 adalah melibatkan tuntutan atas satu isu akujanji yang didakwa oleh plaintif diberi oleh Tetuan Chellam Wong untuk menyelesaikan yuran guaman yang terhutang kepada plaintif oleh defendan-defendan.

(2) Liabiliti untuk membayar yuran guaman di dalam tindakan di mahkamah ini adalah atas defendan-defendan dan isu akujanji oleh Tetuan Chellam Wong tersebut hanya ditimbulkan dalam permohonan ini. Ketika perdengaran permohonan untuk penghakiman terus atas defendan-defendan dalam kes di mahkamah ini isu Tetuan Chellam Wong memberi akujanji untuk menyelesaikan yuran guaman plaintif tidak ditimbulkan. Apa yang ditimbul waktu itu adalah keengganan defendan-defendan menyelesaikan yuran tersebut.

(3) Sekiranya mahkamah ini membenarkan permohonan plaintif di sini defendan-defendan tidak akan dapat melantik peguam pilihan mereka untuk membela tindakan mereka.

(4) Saya tidak nampak bagaimana kehadiran Tetuan Chellam Wong bertindak sebagai peguam defendan-defendan boleh memberi kesan kepada keputusan rayuan kedua-dua defendan.

Pihak plaintif telah mengemukakan permohonannya berdasarkan peruntukan k. 27 Kaedah-kaedah Profesion Undang-undang (Amalan Dan Kesopanan) 1978 yang diperuntukkan selaras dengan s. 77 Akta Profesion Undang-undang 1976 yang berbunyi:

> Rule27(a)
>
> An advocate and solicitor shall not appear in any matter in which he is directly pecuniarily interested.

Untuk menyokong permohonannya pihak plaintif merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan *Vijayalakshmi Devi Nadchatiram v. Saraswathy Devi Nadchatiram* [2000] 4 CLJ 870 di mana Yang Arif Abu Mansor HMP, di ms 879 menyatakan antara lain seperti berikut:

> Having considered this appeal before us on the question so framed, we are of the firm view that having regard to the personal relationship of the respondent to those who she is or was representing *and the pecuniary interest she is alleged to have in those matters, though they were subject to their being litigated in open court, the subject matter of which we express no opinion either way,* we are of the firm view that the respondent is prohibited from acting for those persons in view of her personal relationship and of her pecuniary interest by reason of rr. 3 and 27(a) of the Legal Profession (Practice and Etiquette) Rules 1978. (emphasis added)

Saya berpendapat dalam halperkara ini sebenarnya rakan-rakan kongsi plaintif dan/atau peguam-peguamnya sepatutnya tidak harus dibenarkan daripada terus mewakili plaintif di sini kerana mereka sendiri mempunyai kepentingan 'pecuniary' secara terus dalam tindakan ini memandangkan mereka menuntut yuran guaman mereka daripada pihak defendan dan peguamnya dalam kes yang berkenaan dan ianya adalah bertentangan dengan k. 27 Legal Profession (Practice and Etiquette) Rules 1978 itu sendiri.